

**SOALAN NO. : 11**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]

**TARIKH** : 4 JULAI 2013

**SOALAN** :

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan langkah atau tindakan yang telah diambil oleh Kementerian tersebut terhadap tapak pelupusan sisa toksik, Pusat Kualiti Alam di Bukit Nenas, Negeri Sembilan yang dipercayai akan menjejaskan kesihatan penduduk sekitar serta menyebabkan pencemaran alam sekitar yang serius.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Premis Kualiti Alam Sdn Bhd (KASB) telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar, di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Lawatan penguatkuasaan ke premis ini dijalankan secara berterusan iaitu setiap minggu oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan bagi memastikan semua langkah-langkah pencegahan dan kawalan pencemaran dilaksanakan dengan berkesan dan juga bagi memastikan operasi Premis ini mematuhi syarat syarat lesen yang telah ditetapkan.

Selain itu, pihak KASB juga melaksanakan program pengawasan kualiti alam sekitar yang merangkumi pemantauan pelepasan kualiti udara dari cerobong, pengawasan udara ambient di beberapa lokasi di sekitar premis termasuk Kg Felda Sendayan, dan Kg Jimah Lama, pengawasan bunyi bising di sempadan premis, pengawasan air bawah tanah, pengawasan hidupan sungai berhampiran dan pengawasan air larian permukaan.

Data-data pengawasan yang dicerap menunjukkan bahawa operasi KASB mematuhi semua syarat syarat lesen yang telah ditetapkan dan tidak menimbulkan sebarang masalah pencemaran alam sekitar serta tidak menjejaskan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk yang berhampiran.

Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau rapi operasi premis ini dan akan mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas jika didapati pihak KASB tidak mematuhi syarat syarat lesen dan menimbulkan masalah pencemaran alam sekitar termasuk memberhentikan operasi premis sehingga tindakan sewajarnya diambil.

### **Maklumat Tambahan**

Pusat KASB terletak lebih kurang 1km dari kawasan penempatan yang terdekat iaitu Kg Felda Sendayan dan lebih 2Km dari Bandar Seri Sendayan. KASB juga mempunyai Pelan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Plan) bagi menghadapi sebarang kejadian yang tidak diingini seperti kebakaran, letupan dan sebagainya.

Pelepasan gas /asap / pencemar dari kedua dua cerobong di pantau berterusan secara online (Continous Emission Monitoring System) dan disambung kepada Jabatan Alam Sekitar

Asap putih yang keluar dari cerobong sebenarnya mematuhi peraturan dan syarat lesen JAS tetapi menimbulkan masalah persepsi negatif orang awam dan dalam hal ini penjelasan mengenainya telah pun diberi kepada penduduk Kg Felda Sendayan yang berhampiran melalui sesi dialog .

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh

Nama : Datin Paduka Che Asmah Binti Ibrahim  
Jawatan : Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya  
No. Telefon Bimbit : 019-3226800

Disemak oleh

Nama : Dr. Zulkifli Bin Abdul Rahman  
Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
No. Telefon Bimbit : 019-3827137

Diluluskan oleh

Nama : Dato' Halimah Binti Hasan  
Jawatan : Ketua Pengarah  
No. Telefon Bimbit : 019-2107900